

Ambil dadah dan lupus telefon curi, lelaki dipenjara 24 bulan

Tertuduh mengaku bersalah setelah didakwa atas dua pertuduhan

Oleh Hafizah Abdul Hamid

KUCHING: Tindakan seorang lelaki yang mengambil dadah serta melupuskan telefon pintar curi milik adiknya gara-gara hendak membeli dadah membawa padah apabila dia dijatuhi hukuman penjara 24 bulan di Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Syafiq Hafiz Rosli, 39, mengaku bersalah sebaik didakwa atas dua pertuduhan di hadapan Majistret Leona Dominic Mojilili.

Dalam kes pertama, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 414 Kanun Keseksan kerana melupuskan harta curi iaitu sebuah telefon pintar milik adiknya yang berusia 33 tahun pada 19 Mei 2026, sekitar jam 9 malam di

sebuah rumah di Kampung Pulo Ulu di sini.

Untuk kesalahan itu, mahkamah memerintahkan tertuduh dipenjara 12 bulan berkuat kuasa semalam.

Berdasarkan fakta kes, adik tertuduh (pengadu) menyedari sebuah telefon pintar miliknya hilang di rumah dan berikutan itu, laporan polis dibuat.

Siasatan dijalankan dan berdasarkan bukti, polis menangkap tertuduh pada 5 Jun 2026, dengan tertuduh menunjukkan sendiri tempat telefon pintar itu dijual.

Hasil siasatan mendapati tertuduh telah memaksa seorang rakannya menjual telefon berkenaan selepas mendakwa ia miliknya.

Telefon itu kemudiannya

dijual pada harga RM450 kepada sebuah premis telekomunikasi di Tabuan Jaya.

Daripada jumlah itu, tertuduh memberikan RM50 kepada rakannya sebagai upah kerana membantu menjual telefon tersebut.

Siasatan lanjut polis juga mendapati tertuduh telah mencuri telefon pintar milik pengadu dan menjualnya dengan niat untuk membeli dadah.

Di mahkamah sama, tertuduh turut mengaku bersalah menggunakan dadah berbahaya jenis Amphetamine dan Methamphetamine di pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuching pada 18 Oktober 2021 sekitar jam 2.30 petang.

Pertuduhan dibuat

mengikut Seksyen 15 (1) (a) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 15 (1) akta yang sama.

Untuk kesalahan itu, mahkamah memerintahkan tertuduh dipenjara 12 bulan dan mengarahkan hukuman itu berjalan selepas selesai hukuman penjara bagi kes melupuskan harta curi, menjadikan tertuduh menjalani hukuman penjara keseluruhan selama 24 bulan.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh menjalani pengawasan pihak polis selama tiga tahun.

Pendakwaan bagi kedua-dua kes dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Ahmad Fauzulutfi Suriani sementara tertuduh tidak diwakili peguam.